

PM tidak maksudkan GST akan terus dilaksanakan, kata Saifuddin

PUTRAJAYA -
Kenyataan Perdana
Menteri, Tun Dr
Mahathir Moha-
mad berhubung
Cukai Barang dan
Perkhidmatan
(GST) tidak bermaksud sistem
percukaian itu
akan terus dilaksa-



SAIFUDDIN

nakan semula, kata
Menteri Perda-
ngangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Saifuddin Nasution Ismail.

Saifuddin berkata, laporan
media yang dibacanya menjelas-
kan bahawa apa yang dimaksud-
kan Dr Mahathir ialah kerajaan
hanya akan mengkaji keperluan
untuk memperkenalkan semula
sistem GST jika perkara itu me-
rupakan kehendak rakyat.

“Kalau rakyat nak balik se-

mula pada GST, ke-
rajaan sedia kajilah.
Bukan Perdana
Menteri kata keraja-
an akan laksanakan
terus. Tak ada. Dia
tidak sebut begitu.
Jadi kita tamat di
situ dari segi kenyaa-
taan Perdana Men-
teri.

“Saya baca beru-
lang kali. Dia (Perda-
na Menteri) kata, kalau itu men-
jadi kehendak atau pilihan rakyat
kerajaan bersedia untuk kaji.
Maknanya ayat itu berlapis,”
katanya ketika ditanya mengenai
kenyataan Dr Mahathir berhu-
bung GST.

Beliau berkata demikian se-
lepas melancarkan Pelan Tinda-
kan Industri Katering 2020 di
kementeriannya di sini semalam.
- Bernama